

Raja Perlis minta umat Islam elak sengketa

BH | 17-11-12 | 4/1 | A | Ps

Padang Besar: Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail bimbang dengan keadaan umat Islam dan orang Melayu di negara ini yang disifatkan baginda mula berpecah serta semakin mengundur.

Justeru, baginda meminta rakyat terutama umat Islam mengelak sengketa dan syak wasangka dalam menjalani kehidupan demi memelihara perpaduan yang dinikmati ketika ini.

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah, kemakmuran negara memberi peluang umat Islam bebas melakukan amal ibadat berbanding rakyat di negara bergolak.

"Keadaan umat Islam pada masa kini semakin membimbangkan dan orang Melayu beragama Islam mula berpecah dan semakin mengundur. Masyarakat Islam di negara ini perlu bersatu dan mengetepikan perselisihan faham kerana ia penting bagi mengelak perpecahan serta jadi kunci kepada kelangsungan bangsa yang berjaya," titah baginda ketika berkenan berangkat merasmikan Sambutan Maal Hijrah 1434 Peringkat Negeri Perlis di Felcra Lubok Sireh di sini, malam kelmarin.

Baginda bertitah, pendekatan wasatiyyah atau kesederhanaan dalam kehidupan juga penting dalam membentuk kesatuan umat secara harmoni.

Sementara itu, Imam Masjid Alwi, Kangar, Ku Abdullah Ku Jusoh, 77, diumumkan tokoh Maal Hijrah Perlis 1434. Beliau menerima hadiah wang tunai RM10,000 serta sijil. Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Derma, Amirul Asraf Abdullah, 16, yang cemerlang dalam akademik dan kokurikulum pula menerima anugerah khas saudara baru.